

# MANTERA DALAM PERAWATAN TRADISIONAL MELAYU DI KEDAH: ANALISIS MENURUT PERSPEKTIF AKIDAH ISLAM

*(Mantras in Malay Traditional Healing in Kedah:  
An Analysis from the Perspective of the Islamic Faith)*

*Ahmad Fazli Shafie*  
afdhol15@yahoo.com

*Mohd. Nizam Sahad*  
nizamsahad@usm.my

Bahagian Pengajian Islam,  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,  
Universiti Sains Malaysia,  
11800 USM, Pulau Pinang.

## **Abstrak**

Perawatan tradisional Melayu telah lama wujud dan berkembang di Nusantara. Tinjauan awal mendapati seramai 18 orang pengamal perawatan tradisional di sekitar negeri Kedah menggunakan kaedah amalan mantera dalam perawatan. Makalah ini meneliti amalan mantera dari sudut cara rawatan dan kaitannya menurut perspektif akidah Islam. Ikhtiar rawatan perlulah selari dengan kehendak Islam kerana akidah tauhid merupakan perkara asas yang perlu dipelihara daripada unsur syirik, khurafat dan tahayul. Oleh sebab kajian ini berbentuk kualitatif, kaedah pengumpulan data kepustakaan dan kajian lapangan digunakan untuk memperoleh data. Temu bual dan kaedah pemerhatian turut serta digunakan. Hasil kajian mendapati pengamal perawatan tradisional Melayu di Kedah kebanyakannya mempunyai perkaitan secara langsung dengan permintaan untuk mendapatkan bantuan dan pertolongan daripada makhluk ghaib seperti khadam, jin dan sebagainya. Pesakit disarankan menyelidiki dahulu kaedah rawatan yang digunakan supaya tidak terjebak dalam perawatan tradisional yang bercanggah dengan syariat Islam.

Kata kunci: amalan mantera, rawatan tradisional Melayu, bomoh, akidah

### ***Abstract***

*Traditional healing has long existed and evolved in the Malay archipelago. Through a pilot survey, it was discovered that as many as 18 traditional practitioners within the state of Kedah used mantras in their treatments. This paper examines mantras as part of healing rituals in relation to the Islamic faith. Healing rituals should be in line with the teachings of Islam because the principles of faith and monotheism are fundamental in Islam and need to be protected against idolatry, superstition and delusion. As this research employs a qualitative approach, library data was compiled and field studies were undertaken to obtain comprehensive data. Data was also gathered through interviews and observation. The study finds that most practitioners of Malay traditional healing in Kedah directly sought help and support from supernatural beings such as genies, spirits and others. Patients are advised to first investigate treatment methods used to avoid being traditional healing methods that go against Islamic teachings.*

*Keywords: mantras, Malay traditional healing, bomoh, faith*

## **PENGENALAN**

Perawatan tradisional Melayu telah lama wujud dan berkembang di Malaysia, termasuk di Kedah. Perawatan tradisional Melayu terkenal dalam kalangan masyarakat tempatan sebagai ikhtiar untuk memperoleh kesejahteraan hidup. Namun begitu, perkembangan amalan mantera dalam perawatan tradisional dilihat berkembang seiring dengan peredaran zaman. Bermacam-macam istilah dan gelaran digunakan bagi menarik minat masyarakat menghampiri para pengamal dan pusat rawatan terbabit. Ada sebahagian daripada pengamal perawatan ini mengaitkannya dengan Islam dan menamakannya sebagai Pusat Perawatan Tradisional Islam.

Kekeliruan timbul apabila terdapat sebahagian daripada pengamal perawatan ini menggunakan imej perawatan alternatif dan ilmu kebatinan yang dikatakan dapat membantu masyarakat mengatasi masalah dan kerumitan yang dihadapi oleh sesiapa sahaja. Selain itu, terdapat juga pusat rawatan yang menawarkan perkhidmatan merawat masalah gangguan makhluk halus. Kebanyakan pengusaha pusat rawatan ini menggunakan nama ustaz, haji, mahaguru, pengamal *ruqyah* atau orang yang alim yang disangka ilmuwan agama. Pelbagai gelaran digunakan atas nama perawat, pakar atau pusat rawatan yang menggambarkan keislaman, namun hakikatnya tetap sama, iaitu menyimpang dan merosakkan akidah umat Islam.<sup>1</sup> Makalah ini diusahakan rentetan fenomena masyarakat Melayu yang rata-ratanya sukar membezakan

rawatan yang berasaskan syariat Islam dengan rawatan yang mengandungi unsur mensyirikkan Allah SWT. Malah, istilah perubatan Islam bukan sahaja digunakan oleh ustaz, alim ulama atau tabib yang mempunyai pegangan akidah yang bersih, malah turut digunakan oleh dukun atau bomoh yang menggunakan mantera tertentu. Semua ini dilakukan untuk mengaburi mata masyarakat dan menyesatkan mereka. Oleh itu, istilah perawatan Islam sentiasa berlegar-legar di tempat amalan pemujaan jin, syaitan dan iblis yang disulami dengan mantera tertentu, asap kemenyan, tangkal, azimat, pelbagai jenis minyak dan sebagainya, untuk tujuan merosakkan pegangan akidah umat Islam.

### **KAEDAH PERAWATAN DAN MANTERA**

Kebanyakan pengamal perawatan tradisional Melayu di Kedah menggunakan mantera sebagai kaedah merawat pesakit. Banyak usaha dilakukan oleh pengamal perawatan terbabit untuk mengekalkan kaedah perawatan masing-masing yang diwarisi turun-temurun. Didapati kaedah perawatan tradisional yang sering diamalkan oleh kebanyakan masyarakat Melayu adalah berasaskan mantera sebagai jampi untuk menyembuhkan penyakit atau membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pesakit. Oleh itu, pelbagai mantera dibacakan dengan tujuan tertentu sebagai jampi dalam setiap rawatan yang dilakukan.

Meskipun terdapat pengamal perawatan tradisional yang menggunakan ubat-ubatan asli yang didapati daripada tumbuh-tumbuhan herba dan haiwan, namun mereka masih tetap menjadikan amalan mantera sebagai asas perubatan dan rawatan. Pengamal perawatan ini membacakan mantera yang diamalkan untuk mengubati pesakit dengan pelbagai cara dan gaya yang tersendiri. Sesetengahnya memerlukan ketayap putih dan tasbih ketika hendak membacakan mantera.<sup>2</sup> Ada pula yang mempunyai pakaian khusus berwarna serba hitam, putih atau kuning dan kadangkadang ada yang menutup mukanya pada saat hendak membacakan mantera.<sup>3</sup> Di samping itu, ada juga dalam kalangan pengamal perawatan yang tidak menggunakan sebarang syarat khusus ketika membacakan mantera. Pendek kata dalam setiap upacara perawatan, mereka memerlukan pembacaan mantera sebagai salah satu cara untuk berinteraksi dengan khadam yang didampingi dalam kalangan jin dan sebagainya. Ada dalam kalangan pengamal perawatan ini, contohnya bomoh XIV yang ditemu ramah pada 17 Februari, 16 April dan 5 Ogos pada tahun 2010, dan 13 Mei dan 6 Disember pada tahun 2011 di rumahnya. Menurut bomoh XIV:

Kita baca la sikit doa yang kita hafai dalam bahasa Arab sama ada dari quran ka atau hadis. Kita sebut sikit bagi jelas aga q oghang dapat denaq dan bila oghang denaq yang kita baca ayat quran ka hadis baru oghang yakin dengan cagha kita beghubat.

Ketika merawat pesakit, pengamal perawatan tradisional ini mempunyai cara tersendiri dalam mengenal pasti sesuatu penyakit. Kadang-kadang pesakit tidak perlu memberitahu jenis penyakit yang dihidapinya. Kadangkala hanya sekadar memberikan sedikit butiran peribadi atau salasilah diri pesakit, penentuan tentang masalah yang dihidapinya akan dapat dihuraikan pula satu per satu bermula daripada punca atau sebab berlaku sesuatu penyakit sehinggalah kepada cara atau kaedah penyelesaian dan rawatan penyakit tersebut. Kenyataan ini diperkuat lagi berdasarkan bukti temu ramah dan pemerhatian yang dilakukan ke atas pengamal perawatan tradisional Melayu di sekitar Kedah seperti yang berikut:

Mengikut pendapat bomoh VII:

Kita tanya sikit maklumat tentang oghang sakit, sebenarnya bukan apa nak memudahkan kita tau apa punca penyakit dia. Kadang-kadang kita tanya nama mak dia, kita tanya usia dia dan berapa lama dia sakit macam hampa denghaq doktot duk tanya tu. Semua ni nak mudah kerja kita la. Kalau tidak macam mana kita nak beghubat.

Mengikut pendapat bomoh XVI:

Kita kena tanya jugak sikit tentang kawan tuu. Baghu kita boleh tengok apa masalah dia lepaih tu baghu boleh tolong. Besanya kita tanya nama dia, duk mana dan apa nama mak, pak dia. Kadang-kadang kita suruh dia ceghita sikit tentang apa kejadian yang berlaku, nanti kita tilik tengok apa masalah dia.

Maka berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada para pengamal perawatan ini dapatlah disimpulkan bahawa maklumat awal yang biasanya diperlukan oleh para pengamal terbabit sebelum melakukan rawatan adalah seperti yang berikut:<sup>4</sup>

1. Menyatakan namanya.
2. Nama ibu atau ayahnya.
3. Menyatakan berapa usianya.
4. Latar belakang penyakit yang dihidapinya.

Setelah memperoleh sedikit sebanyak maklumat peribadi yang berhubung kait dengan seseorang pesakit, bomoh tersebut akan membacakan mantera tertentu dan merenung sejenak seolah-olah dalam keadaan bertafakur beberapa ketika. Sejurus kemudian beliau akan dapat mengetahui dan mengenal pasti jenis penyakit yang dihidapi oleh pesakit yang datang menemuinya.<sup>5</sup> Berdasarkan dakwaan 18 orang pengamal perawatan yang ditemui, penilaian terhadap masalah atau penyakit yang dihidapi oleh seseorang itu akan dibuat dengan seberapa segera hanya menerusi nama. Selain itu, ada juga bomoh yang menggunakan kaedah imbasan dengan merenung ke arah pesakit dan ada juga antara mereka yang menggunakan kaedah libasan tangan atas angin. Maksudnya beliau tidak menyentuh pesakit, cukup hanya melayang-layangkan tangan ke atas pesakit yang datang untuk mengesan penyakit.<sup>6</sup> Maka berdasarkan kajian ini, disimpulkan bahawa cara atau kaedah sesuatu perawatan itu dilaksanakan perlu dilihat dari sudut pegangan akidah Islam. Sekiranya amalan perubatan yang diamalkan itu berasaskan mantera, maka perlu dilihat baik buruk amalan tersebut dari sudut pengamalnya juga. Adakah beliau seorang yang betul-betul berpegang teguh pada syariat Islam atau sebaliknya?

Sekiranya mantera yang diamalkan itu dikhuatiri mempunyai kalimat atau gumaman<sup>7</sup> tertentu yang biasa dilakukan oleh masyarakat jahiliah dengan keyakinan boleh menangkal bahaya, dengan meminta bantuan jin atau dengan cara menyebut nama asing dan kata-kata yang tidak dapat difahami, maka mantera yang diamalkan itu ialah mantera yang salah dan mengundang bahaya kerosakan akidah pengamalnya, mahupun pesakit yang mengunjunginya atau yang mempercayainya.<sup>8</sup>

## **PENGAMAL PERAWATAN DAN MANTERA**

Pengamal perawatan tradisional Melayu atau bomoh di Kedah rata-ratanya mengamalkan penggunaan mantera dan jampi tertentu dalam setiap rawatan. Semua pengamal perawatan tradisional yang ditemui dalam sesi temu bual mendakwa mereka tidak mengamalkan sebarang bentuk bacaan yang berupa mantera. Namun, apabila dikaji dan diteliti aspek perawatan yang dilaksanakan secara lebih mendalam, didapati penggunaan mantera tertentu dibacakan oleh pengamal perawatan tradisional terbabit, termasuk amalan mengucap dua kalimah syahadah.

Oleh yang demikian, ciri pengamal perawatan tradisional Melayu yang mempunyai kaitan secara langsung dengan mantera boleh dikenali berdasarkan beberapa aspek berikut:

1. Perbuatan dan tingkah laku.

2. Cara berpakaian.
3. Merawat dengan cara menurun.
4. Merawat pesakit tanpa menurun.
5. Mengamalkan mantera ilmu kebatinan.
6. Mengamalkan mantera belah batin.

### **1. Perbuatan dan Tingkah Laku**

Pengamal perawatan tradisional amalan mantera biasanya terlibat secara langsung dengan aktiviti pendampingan dengan pelbagai jenis makhluk halus seperti khadam<sup>9</sup>, rijalul ghaib, jin, pelesit, pelbagai jenis hantu, syaitan dan makhluk yang seumpamanya.<sup>10</sup> Pendapat ini diperkukuh melalui pemerhatian terhadap perbuatan atau tingkah laku bomoh terbabit pada cara rawatan dilakukan. Bomoh membacakan mantera untuk memohon bantuan jin pendamping agar datang merawat pesakit. Setelah jin tersebut datang dan meresap ke dalam tubuh bomoh, proses tersebut dinamakan sebagai “tanasakhul arwah”<sup>11</sup> semasa sedang menurun. Tingkah laku bomoh semasa menurun jelas menunjukkan bahawa amalan mantera yang dibacakan pada awal tadi merupakan faktor penyumbang terjadinya tingkah laku yang luar biasa setelah diri bomoh diresapi oleh jin pendamping. Kelakuan bomoh menjadi seperti orang yang hilang akal buat seketika, menepuk-nepuk lantai dan serentak dengan itu suaranya juga bertukar. Maka, dalam situasi ini, jin yang diseru itu akan bercakap bagi menggantikan bomoh yang dikuasainya dalam keadaan tidak sedarkan diri ataupun separuh sedar dengan mengkhabarkan sesuatu berita atau masalah yang dihadapi oleh pesakit tersebut. Pada ketika itu, hakikatnya jin yang sedang mengubati, bukannya perawat atau bomoh terbabit.<sup>12</sup>

Sebagai contoh, ketika melakukan rawatan dengan kaedah menurun, seseorang bomoh akan didampingi, yakni bersatu atau diresapi oleh makhluk pendamping yang terdiri daripada jin, khadam dan sebagainya. Keadaan ini menyebabkan perawat tersebut berada dalam keadaan tidak sedarkan diri ataupun separuh sedar. Makhluk yang bersatu atau meresap ke dalam jasad sebenarnya telah menguasai tubuh manusia dan menggunakan lidah manusia untuk bercakap. Contohnya, perawat memegang keris untuk memotong limau. Yang memotong ketika itu ialah tangan bomoh tersebut tetapi sebenarnya perlakuan bomoh tersebut berlaku atas kehendak, ikhtiar atau ketentuan khadam atau jin yang meresap ke dalam tubuh bomoh.<sup>13</sup>

### **2. Cara Berpakaian**

Pengamal perawatan tradisional atau bomoh yang mengamalkan mantera dan jampi serapah biasanya dapat dilihat melalui cara berpakaian. Semasa melakukan

rawatan, rata-rata bomoh mempunyai pakaian khas. Sebagai contoh, bagi bomoh yang bersahabat dengan khadam atau jin akan memakai pakaian khas mereka seperti memakai baju dan seluar yang berwarna hitam dengan melilit kain hitam di kepala, atau memakai tudung hitam dan menutup mukanya dengan hijab semasa beliau sedang melakukan rawatan ke atas pesakit. Keadaan ini dapat dilihat berlaku pada bomoh XII dan bomoh XI. Namun begitu, ada juga dalam kalangan bomoh tersebut yang agak ringkas persiapannya dengan hanya memegang biji tasbih, lalu menghubungi khadamnya seolah-olah beliau sedang bercakap dengan seseorang menggunakan talian telefon.<sup>14</sup> Bomoh tersebut menghubungi khadam dengan tujuan untuk mengetahui masalah pesakit dan cara merawatnya. Keadaan ini dapat dilihat melalui pemerhatian yang dilakukan terhadap bomoh II, bomoh III, bomoh VII, bomoh XIII dan bomoh XVI.

Kebiasaannya, bomoh yang ditemui akan mendakwa bahawa mereka sebenarnya berasal daripada keturunan diraja Kedah. Oleh sebab itu, pakaian mereka kadangkala berjubah putih atau berpakaian serba putih dan selalunya berwarna kuning. Selain itu, ada juga yang mendakwa dirinya ialah seorang puteri daripada kayangan sebagaimana dakwaan yang dibuat oleh bomoh XIII.<sup>15</sup> Bahkan, ada dalam kalangan mereka yang hanya berpakaian serba ringkas seperti berpakaian baju Melayu dan berkain pelikat serta bersongkok atau berketayap. Tidak kurang juga ada yang berpakaian biasa yang hanya memakai ketayap dan memegang tasbih yang dikhususkan untuk tujuan menghubungi khadam bagi membantu merawat pesakit. Mantera yang dibacakan pula samar-samar kedengaran, kecuali ketika melafazkan zikir.<sup>16</sup>

### **3. Merawat dengan Cara Menurun**

Sesetengah bomoh mengubati pesakit yang datang dengan cara menurun<sup>17</sup> atau menyelap.<sup>18</sup> Sebelum menurun, bomoh terbabit akan membacakan beberapa jampi dan mantra tertentu. Adakalanya, bomoh tersebut membacakan ayat suci al-Quran dan kalimat yang menggambarkan keislaman seperti lafaz azan, iqamah dan sebagainya. Terdapat juga bomoh yang memegang keris dan mengasapkannya pada asap kemenyan. Setelah beberapa ketika, jin masuk ke dalam tubuh bomoh.<sup>19</sup> Semasa tubuh mereka diresapi dan dipengaruhi oleh jin atau makhluk halus lain, bomoh tersebut berada dalam pelbagai keadaan. Ada yang biasa sahaja keadaannya, ada yang menggeletar seluruh tubuhnya dan ada yang terguling-guling dan sebagainya. Suara dan raut wajah mereka juga akan bertukar. Ada yang biasa sahaja suaranya dan sesetengahnya pula kelihatan agak tua dan berkedut. Suara mereka agak terketar-ketar, sangat perlahan dan agak susah untuk difahami. Hal ini mungkin disebabkan mereka bersahabat dengan jin yang sudah agak tua. Mereka akan bercakap mengikut bahasa

yang digunakan di tempat asal jin tersebut. Jika jin tersebut berasal dari Indonesia, maka bahasa Indonesialah digunakan, dan sekiranya jin tersebut berasal dari selatan Thailand, maka bahasa Siamlah yang menjadi bahasa pertuturannya ataupun bahasa Melayu asli mengikut dialek negeri tertentu.

#### **4. Merawat Pesakit Tanpa Menurun**

Terdapat juga bomoh yang langsung tidak menunjukkan reaksi pelik seperti bomoh-bomoh lain yang menurun sebagai tanda atau bukti kemasukan jin di dalam tubuh mereka. Bomoh seperti ini mempunyai khadam daripada jin dan memanggil khadam mereka datang tanpa menurun. Kaedah rawatan seperti ini kadangkala berlaku seolah-olah bomoh tersebut sedang menelefon khadamnya untuk mendapatkan bantuan, setelah memegang biji tasbih dan membacakan mantera tertentu. Maka, selepas itu berdialoglah bomoh tersebut dengan khadamnya seperti orang yang sedang berbicara dengan seseorang melalui telefon.<sup>20</sup>

Ada juga bomoh yang menggunakan air, limau dan sintuk atau barang-barang lain yang difikirkan perlu. Terdapat juga jenis bomoh yang menilik terlebih dahulu dengan menggunakan limau. Limau tersebut digolekkan atau dibelah dan kemudiannya dimasukkan ke dalam air. Bomoh akan melihat keadaan limau tersebut sama ada terbalik atau tertiarap. Mereka juga kadangkala menggunakan mangkuk putih yang diisi dengan air sambil menilik dan membuat beberapa ramalan. Di samping itu, terdapat juga bomoh yang menggunakan jarum yang diletakkan di atas air dan jarum tersebut kelihatan akan berpusing. Ada juga yang memegang keris kecil dan dipacakkan di dalam pulut kuning dan sebagainya.<sup>21</sup>

#### **5. Mengamalkan Mantera Ilmu Kebatinan**

Ada sebilangan bomoh yang mengamalkan mantera ilmu kebatinan mendakwa kononnya mereka memperoleh manfaat dan kelebihan luar biasa seumpama wali, umumnya dan dapat mengotakan hajat serta menjadi ilmu pengasih, khususnya. Antara kelebihan yang diidam-idamkan oleh setiap pengamal adalah seperti dapat bersilat dengan pelbagai gerak dan jenis silat serta dapat menumbangkan musuh atau membunuhnya dengan hanya melalui pukulan jarak jauh. Selain itu, pengamalnya juga dikatakan dapat merawat pelbagai jenis penyakit.<sup>22</sup>

Semua manfaat ini dikatakan boleh dimiliki oleh seseorang yang dapat mengamalkan mantera ilmu kebatinan dengan melakukan ritual dan mematuhi syarat tertentu seperti yang berlaku kepada bomoh XIV. Setiap orang yang berminat memperoleh ilmu kebatinan perlu berkorban membelanjakan sedikit wang untuk tujuan penganugerahan. Menurutnya, ilmu kebatinan yang boleh dituntut dan



diwarisi ini terdiri daripada dua bahagian, iaitu ilmu kebatinan ijazah kecil dengan pengerasnya sebanyak RM350, dan ilmu kebatinan ijazah besar yang mempunyai lebih banyak kelebihan dengan pengeras sebanyak RM2900 yang dinilai berdasarkan dua atau tiga mayam emas 24 karat.

Menurut perspektif akidah Islam, amalan mantera ilmu kebatinan ini meskipun ada yang bertujuan baik, amalan tersebut tetap menyimpang daripada pegangan Ahli Sunah Waljamaah. Hal ini demikian kerana Ahli Sunah Waljamaah mementingkan kebersihan diri, zahir dan batin daripada memohon kepada makhluk, selain Allah SWT. Sesungguhnya, hanya Allah sahaja berkuasa atas segala sesuatu. Segala pengharapan seorang hamba selayaknya hanya tertumpu pada Allah SWT dan bukannya selain Allah, yakni mensyirikkan Allah.

Dalam istilah ilmu tauhid, syirik bermaksud menyekutukan Allah dengan sesuatu. Orang yang terlibat dengan perkara syirik dinamakan sebagai musyrik.<sup>23</sup> Dosa syirik tidak diampuni oleh Allah SWT kecuali dengan bersyahadah terlebih dahulu. Syirik pula terbahagi kepada dua bahagian, iaitu syirik jali dan syirik khafi. Syirik jali ialah menyekutukan Allah secara terang-terangan, manakala syirik khafi, melakukan perkara syirik secara tidak disedari.<sup>24</sup> Dalam konteks amalan mantera serapah yang memuja semangat roh, hantu, jin dan sebagainya, amalan ini dikategorikan sebagai syirik jali, yakni syirik yang dilakukan secara terang-terangan kerana pengamal perubatan terbabit memohon bantuan dan pertolongan daripada khadam, sama ada jin, syaitan dan sebagainya.

## **6. Mengamalkan Mantera Bedah Batin**

Pengamal perawatan tradisional juga berupaya untuk melakukan rawatan melalui pembedahan secara batin. Hal ini akan terjadi setelah perawat atau bomoh tersebut membacakan mantera tertentu yang bertujuan untuk melakukan pembedahan. Keadaan ini dapat dilihat melalui pemerhatian terhadap bomoh V<sup>25</sup> yang terkenal dengan perawatan bedah batin. Beliau mendakwa rawatan pembedahan secara batin ke atas pesakit dapat dilakukan untuk merawat pelbagai jenis penyakit. Menurutnya, satu jenis penyakit sahaja boleh dirawat untuk sekali rawatan. Sekiranya pesakit menghadapi banyak jenis penyakit, pesakit perlu datang semula pada hari berikutnya. Setiap pembedahan hanya mengambil masa lima saat atau kurang daripada itu. Setelah selesai melakukan pembedahan, bomoh akan membacakan jampi menggunakan daun sirih atau limau nipis bagi menyempurnakan pembedahan ghaib. Upah atau pengeras sebanyak RM30.50 sen akan dikenakan bagi setiap rawatan.<sup>26</sup>

## **ANALISIS FUNGSI MANTERA DALAM PERAWATAN TRADISIONAL MELAYU**

Berdasarkan pemerhatian, masyarakat Melayu pada hari ini masih mempercayai amalan mantera dalam perawatan tradisional Melayu bagi menyembuhkan penyakit. Oleh sebab itu, tidak hairanlah amalan penggunaan mantera dalam perawatan tradisional Melayu telah dianggap setanding peranannya dengan amalan perubatan moden oleh doktor pada hari ini. Penggunaan mantera juga sebenarnya mempunyai perkaitan yang amat rapat dengan jiwa dan kepercayaan sesuatu masyarakat.<sup>27</sup>

Masyarakat Melayu di Kedah pada hari ini masih mempercayai penyakit yang dialami oleh seseorang adalah disebabkan oleh gangguan makhluk halus, seperti hantu, syaitan, pelesit dan jin. Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan di pusat rawatan tradisional Melayu atau pusat rawatan secara Islam, setiap hari boleh dikatakan ramai pesakit datang dengan pelbagai masalah dan latar belakang. Ada juga penyakit yang diakibatkan oleh perbuatan jahat seseorang, seperti santau-menyantau dan sebagainya.<sup>28</sup> Penyakit seperti ini sudah tentu tidak dapat diatasi melalui perubatan moden yang ada pada hari ini. Oleh sebab itu, masyarakat meletakkan harapan yang tinggi kepada pengamal perawatan tradisional untuk mengatasi masalah ini. Pengamal perawatan tradisional dipercayai mempunyai keistimewaan dan kelebihan tertentu yang luar biasa menerusi penggunaan mantera jampi serapah dan ubat-ubatan tradisional yang dirumus khas untuk mengubati sesuatu penyakit. Sebagai tokoh yang dihormati, sudah tentu pengamal perawatan tradisional mesti menguasai sebanyak mungkin mantera untuk setiap penyakit. Hal ini demikian kerana setiap penyakit mempunyai manteranya yang tersendiri yang digunakan semasa rawatan. Pada suatu ketika, para pengamal perawatan tradisional atau bomoh berlumba-lumba untuk mempelajari pelbagai jenis mantera dan masih terdapat bomoh yang menggunakan mantera dalam setiap rawatan perubatan yang dijalankan.<sup>29</sup> Tambahan pula, kehidupan seharian masyarakat Melayu sejak sekian lama sering dikaitkan dengan amalan ilmu hitam seperti santau dan sihir.<sup>30</sup> Bagaikan sudah menjadi hukum adat, orang sakit yang disebabkan oleh buatan orang hanya boleh disembuhkan melalui mantera yang dimiliki oleh bomoh sahaja. Oleh sebab itu, mantera berperanan penting dalam masyarakat Melayu di Kedah sejak dahulu sehingga kini. Mantera sangat sinonim untuk dikaitkan dengan orang Melayu sama ada di Kedah, khususnya atau di seluruh Malaysia, umumnya. Pengertian mantera, jampi dan serapah walaupun pada asasnya nampak berbeza, namun secara keseluruhan fungsinya hampir sama. Antara fungsi mantera dalam perawatan tradisional Melayu adalah seperti yang berikut:

1. Mantera digunakan untuk merawat melalui upacara tertentu. Semasa melakukan rawatan, bomoh bukan sahaja menggunakan mantera yang menjadi amalan dalam perawatan yang dilakukan, malahan menggunakan bahan tertentu seperti air, garam, akar dan daun kayu, serta benda atau barangan tertentu seperti tasbih, aneka jenis keris kecil atau besar dan sebagainya. Kenyataan ini diperkukuhkan lagi melalui pemerhatian terhadap bomoh tradisional, iaitu:
  - a. Bomoh XI semasa melakukan rawatan ke atas pesakit dengan cara membacakan mantera yang bercampur dengan pelbagai kalimah suci terlebih dahulu seperti lafaz azan, iqamah dan sebagainya. Semua ini bertujuan untuk memanggil khadam atau pembantunya bagi mendapatkan bantuan daripada alam ghaib. Bagi melengkapkan proses ritual, sebilah keris dipacakkan ke dalam beras pulut yang berwarna kuning. Bagi menilik benda yang hilang pula, bomoh XI menggunakan semangkuk air dan buah limau nipis yang dihiris yang digunakan sebagai bahan sampingan untuk mengesan kedudukan benda yang hilang sebagaimana dihajati.<sup>31</sup>
  - b. Bomoh VII menjadikan ketayap putih dan tasbih yang sedia diletakkan di atas meja sebagai alat utama untuk berhubung dengan khadam dari alam ghaib selepas membacakan mantera tertentu.<sup>32</sup>
  - c. Bomoh VI melakukan rawatan tradisional dengan mengamalkan mantera dan perawatan yang menggunakan bahan herba seperti akar kayu, daun dan sebagainya bagi mempercepat proses penyembuhan. Beliau sebenarnya bukan sahaja menggunakan mantera, bahkan menjadikan ubatan herba sebagai asas perawatan.<sup>33</sup>
2. Sebagai satu cara untuk berhubung atau berinteraksi dengan makhluk halus bagi mendapatkan bantuan, kata-kata yang digunakan dalam mantera dipercayai dapat menghubungkan antara alam nyata dengan alam ghaib.<sup>34</sup> Mantera boleh digunakan untuk memanggil atau menghalau makhluk halus yang dikenali sebagai sihir. Kebiasaannya bomoh akan membacakan mantera dan pada akhirnya bomoh akan melakukan perbuatan yang dianggap luar biasa bagi mengagumkan pesakit atau sesiapa sahaja yang mengunjunginya untuk tujuan perawatan. Semua perkara luar biasa itu terjadi hasil pertolongan jin dan syaitan yang dipuja dan diwarisinya.<sup>35</sup> Kenyataan ini dijelaskan dan diperkukuh melalui pemerhatian terhadap bomoh tradisional, iaitu:

- a. Bomoh XIV mengamalkan ilmu dua kalimah syahadah yang hanya mengikut gerak dan rasa. Bomoh tersebut mengakui tidak menggunakan mantera tertentu sebelum melakukan rawatan ke atas pesakit. Namun, melalui pemerhatian didapati bomoh tersebut mengamalkan mantera yang berupa amalan dua kalimah syahadah yang disertai ritual tertentu dalam proses penganugerahan peringkat kecil dan besar. Dalam perawatan yang diamalkan, pesakit dirawat melalui gerak rasa. Bomoh tersebut mendakwa yang menggerakkan proses rawatan ialah roh pengamal amalan kalimah syahadah tersebut. Banyak perkara luar biasa didapati berlaku ke atas pengamal ilmu tersebut. Selain mengubati dan menyembuhkan penyakit, bomoh tersebut juga dapat membunuh atau memudaratkan musuh dengan hanya melalui kuasa minda atau pukulan jarak jauh.<sup>36</sup>
  - b. Bomoh XIII juga membacakan mantera tertentu untuk merawat pesakit. Bomoh tersebut kadangkala berpakaian serba putih atau hitam. Bomoh tersebut mendakwa dirinya merupakan seorang puteri dari kayangan dan pernah kehilangan anak dalam kandungan kerana dibawa oleh saudara-maranya dari alam ghaib. Bomoh tersebut sebenarnya telah menggunakan mantera untuk mendapatkan bantuan khadam bagi membantu beliau merawat atau menyelesaikan masalah pesakit. Setelah membacakan mantera tertentu, serta merta suara bomoh tersebut bertukar menjadi agar serak dan tua yang bergelar nenek dari kayangan. Keadaan ini merupakan suatu gambaran terjadinya perkara luar biasa pada diri bomoh tersebut. Oleh itu, dapatlah dirumuskan bahawa mantera yang diamalkan merupakan penghubung antara bomoh tersebut dengan khadamnya dalam kalangan makhluk ghaib dengan tujuan memohon bantuan dan pertolongan.<sup>37</sup>
  - c. Bomoh II seorang bomoh patah membacakan amalan mantera yang agak panjang dalam setiap sesi rawatan yang diamalkan. Boleh dikatakan mantera tersebut mesti dibaca pada setiap kali rawatan dilakukan. Unikinya, bomoh tersebut hanya menggunakan satu amalan mantera sahaja untuk mengubati pelbagai jenis penyakit.<sup>38</sup>
3. Seseengah orang mempercayai bahawa mantera, jampi dan serapah boleh digunakan sebagai satu usaha pendinding diri dan amalan kebatinan supaya diri dan keluarganya terselamat daripada pelbagai kecelakaan, perbuatan jahat manusia atau makhluk halus, ataupun kedua-duanya sekali. Mantera jampi dan

serapah juga digunakan untuk mendapatkan ilmu kebal.<sup>39</sup> Kenyataan ini dijelaskan melalui pemerhatian ke atas bomoh tradisional, iaitu:

- a. Amalan mantera yang diamalkan oleh bomoh X dinamakan sebagai mantera semboyan. Mantera tersebut diperoleh semasa melakukan pertapaan di Gunung Jerai sewaktu sedang berkhidmat sebagai anggota tentera ketika operasi membanteras komunis di Tanah Melayu pada suatu masa dahulu. Menurutny lagi, mantera semboyan merupakan mantera pelbagai guna sama ada digunakan untuk perawatan atau dimanfaatkan untuk diri sendiri sebagai pendinding dan amalan kebatinan.<sup>40</sup>
  - b. Bomoh VII memberitahu pernah mendapat mimpi bertemu dengan seorang syeikh berjubah dan mengajarkannya suatu amalan. Bomoh tersebut mendapat beberapa kelebihan seperti dapat mengubati penyakit. Sejurus selepas itu, kehidupannya semakin berubah. Dengan kelebihan amalan yang diperolehnya, hari demi hari menjadikan bomoh tersebut semakin luar biasa dan rezekinya pula semakin melimpah ruah. Bomoh tersebut mendakwa dirinya berketurunan diraja Kedah dan mempunyai pelbagai keistimewaan luaran dan dalaman seperti dapat berhubung dengan makhluk di alam ghaib dan dapat mengesan kedudukan makhluk halus atau orang yang berniat jahat terhadapnya. Beliau menceritakan asrama pelajar yang pernah diganggu oleh makhluk halus dan memberikan teguran agar pentadbiran sekolah tersebut membuang orang tertentu yang disifatkannya berniat jahat. Akhirnya, masalah gangguan di asrama tersebut selesai. Dengan perkataan lain, kelebihan amalan mantera yang diperoleh dan diamalkan banyak mempengaruhi kehidupan beliau sama ada bertujuan sebagai pendinding diri daripada pelbagai kecelakaan atau sebagainya.<sup>41</sup>
  - c. Bomoh XVI pula tidak memerlukan sebarang peralatan atau ritual tertentu sebelum didampingi oleh khadam atau pembantunya. Setelah membacakan mantera yang diamalkan, apa-apa juga persoalan dan masalah yang diajukan akan segera dijawab oleh pembantunya di alam ghaib melalui suara dan tubuh badan bomoh tersebut. Setiap orang boleh berinteraksi dengan khadamnya setelah beliau berada dalam keadaan tidak sedarkan diri untuk beberapa ketika. Orang yang berhajat boleh bertanyakan pelbagai soalan bagi mengatasi masalah yang dihadapi.<sup>42</sup>
4. Mantera jampi dan serapah juga boleh digunakan untuk keperluan yang lebih bersifat peribadi. Contohnya sebagai ilmu pemanis atau ilmu seri muka supaya

setiap orang yang memandang akan merasa senang hati dan kasih. Termasuk dalam kategori ini ialah mantera dan jampi yang digunakan untuk tujuan sebagai ilmu guna-guna, atau ilmu pengasih yang ditujukan khas kepada orang tertentu.<sup>43</sup> Kenyataan ini dijelaskan melalui pemerhatian ke atas bomoh tradisional, iaitu:

- a. Bomoh I menyatakan bahawa mantera yang diamalkan memberikan kebaikan kepada diri sendiri, seperti mengamalkan mantera pengasih yang berfungsi sebagai pemanis diri dan penyeri wajah. Sebagai contoh, mantera pemanis diri yang diamalkan adalah seperti yang berikut:

Hai bertentang matahari,  
matahari seri di muka aku  
Cahaya bulan di muka aku  
Cahaya bulan 14 hari di muka aku

.....  
.....  
.....

Kedua dengan batang temusa  
Pasang lilin padam pelita  
Pasang terdiri di muka aku  
Dengan berkat doa Lailahaillallah  
Muhammadurrasulullah.<sup>44</sup>

5. Mantera dan jampi yang dibaca bertujuan untuk mengembalikan semangat yang telah hilang, sama ada semangat yang ada pada manusia, ataupun tumbuh-tumbuhan seperti padi atau objek tertentu seperti rumah, kampung dan sebagainya.<sup>45</sup> Kepercayaan kepada semangat ini merupakan kepercayaan awal masyarakat Melayu yang masih diamalkan oleh sesetengah masyarakat yang beragama Islam.<sup>46</sup> Menurut William Shaw, masyarakat Melayu sangat mempercayai kuasa ghaib sehingga dikaitkan dengan semangat yang dikatakan mampu mengendalikan kehidupan seharian yang diwarisi daripada nenek moyang.<sup>47</sup> Kenyataan ini dijelaskan melalui pemerhatian terhadap bomoh tradisional, iaitu:

- a. Bomoh XII mengamalkan mantera dan jampi bagi mengembalikan semangat, sama ada semangat itu datangnya daripada tubuh atau jasad manusia atau datangnya daripada haiwan dan juga tumbuh-tumbuhan. Oleh itu, bagi mengembalikan semangat, bunga-bunga dimasukkan ke dalam air mandi supaya dapat menyerikan wajah dan memberikan kesegaran kepada anggota badan. Cara rawatan tersebut juga digunakan bagi mengubati pesakit yang didakwa terkena santau angin dan menyebabkan hilang selera makan serta hilang semangat dalam kehidupan. Bomoh tersebut menggunakan tujuh jenis bunga-bunga berserta tujuh air kolah masjid yang dicampurkan pada satu bekas dan persediaan sirih pinang. Setelah membacakan mantera ke atas bahan yang dibawa, bomoh akan memberikan beberapa tips atau cara menggunakan bahan tersebut. Semua perkara tersebut diberitahu oleh nenek yang meresap ke dalam tubuh bomoh ketika proses menurun. Walaupun setelah sedar dan berada dalam keadaan normal, bomoh tersebut masih mengingati pesanan nenek yang meresapinya tadi.<sup>48</sup>
- b. Bidan XXIII juga mengamalkan mantera tertentu untuk memulihkan semangat pesakitnya yang sarat mengandung atau ketika merawat ibu muda yang masih berada dalam pantang. Menurutnya, semangat yang hilang boleh dipulihkan dengan membacakan mantera dan jampi ke atas air yang dicampurkan dengan perahan limau nipis. Air tersebut kemudiannya akan digunakan sebagai mandian bagi memulihkan semangat dan menaikkan seri wajah.<sup>49</sup>

Berdasarkan fungsi yang dinyatakan, jelas bahawa mantera, jampi dan serapah merupakan rahsia yang dimiliki oleh bomoh, pawang atau dukun. Rahsia ilmu tersebut sudah tentu tidak dapat diberitahu dan diajarkan kepada sembarang orang. Kelebihan dan keistimewaan ilmu ini boleh dimiliki dan diperoleh dengan cara menuntunya daripada pembawa ilmu yang mempunyai pelbagai latar belakang. Kebiasaannya, proses menuntut dan belajar ilmu ini dilakukan oleh orang yang berminat untuk mendalaminya dan diperoleh melalui latihan serta usaha yang gigih sehingga ada yang tidak menghiraukan sama ada perkara yang dilakukan haram atau halal di sisi agama Islam.

## **ANALISIS BERAMAL DENGAN MANTERA MENURUT AKIDAH ISLAM**

Perawatan tradisional Melayu yang mengamalkan mantera yang dipelopori oleh bomoh dan pengamal perawatan tradisional sudah lama bertapak di Kedah. Mantera yang digunakan untuk tujuan perawatan mengandungi unsur mensyirikkan Allah SWT. Unsur syirik tersebut boleh dilihat sama ada melalui bait mantera, sebutan

bahasa ataupun melibatkan kepercayaan terhadap kekuasaan dan kemampuan luar biasa mantera. Bomoh didapati sering menggunakan perkataan yang mensyirikkan Allah SWT seperti menyeru nama seseorang yang telah mati, jin ataupun syaitan, tuk syekh, para wali dan sebagainya.

Pada pandangan Islam, sekiranya jampi itu mempunyai perkataan yang membawa kepada syirik, iaitu menyekutukan Allah SWT serta mempercayai bahawa kekuasaan mantera tersebut dapat menyembuhkan penyakit, maka bentuk mantera seperti itu adalah diharamkan.<sup>50</sup> Pesakit sepatutnya berdoa dan mengharapkan pertolongan Allah SWT menerusi penggunaan ayat suci al-Quran dan zikir yang sememangnya sunat untuk diamalkan. Begitu juga dengan unsur bahasa yang digunakan. Kita dilarang mengamalkan mantera yang mengandungi unsur dan perkataan kufur yang tidak dapat difahami maksudnya kerana ditakuti mengandungi unsur sihir dan kufur, tetapi jika sekiranya dapat difahami maknanya dengan jelas dan terdiri daripada himpunan zikir Allah SWT, maka amalan tersebut sunat diamalkan dalam kehidupan seharian.<sup>51</sup>

Dalam sebuah athar, diceritakan bahawa Abdullah bin Mas'ud r. a. telah melihat pada leher isterinya ada kalung bermantera lalu dia menarik dan memutuskan benang itu dan dibuangnya. Setelah itu, dia berkata bahawa keluarga Abdullah telah bersih daripada syirik, seraya berkata bahawa aku telah mendengar Rasulullah SAW bersabda:

Maksudnya: “Sesungguhnya jampi mantera, tangkal azimat dan ilmu guna-guna ialah syirik. Kata isterinya: “Mengapa berkata demikian.” Demi Allah, dahulu aku pernah sakit mata, iaitu mataku sering bergerak-gerak. Oleh itu, saya berulang kali menemui seorang Yahudi lalu ia menjampi, selepas itu mataku tidak lagi bergerak-gerak. Abdullah berkata: “Sesungguhnya yang demikian ialah perbuatan syaitan di mana ia menikamnya dengan tangan bila dijampi. Sesungguhnya adalah cukup kamu doakan apa yang pernah didoakan oleh Rasulullah SAW: “Hilangkanlah penyakit ini wahai Tuhan manusia, sembuhkanlah! Engkau zat yang menyembuhkan, tidak ada kesembuhan kecuali kesembuhan darimu, kesembuhan yang tidak meninggalkan sakit lagi.”<sup>52</sup>

Para ulama berpendapat bahawa mantera yang dilarang ialah mantera yang tidak dituturkan dalam bahasa Arab, tidak diketahui maksudnya, bahkan mengandungi unsur sihir, syirik atau kufur<sup>53</sup> seperti yang biasa diamalkan oleh orang jahiliah. Walau bagaimanapun, penggunaan kalimah yang boleh difahami maksud atau maknanya dan terhimpun di dalamnya ayat zikrullah yang menyebut nama Allah SWT, kalimah tersebut sunat (mustahab) untuk diamalkan.<sup>54</sup> Contohnya, dalam kitab *Aun al-Ma'bud*



*Syarh Sunan Abi Daud* menerangkan *al-ruqa* ialah kata jamak daripada *al-ruqyah* yang bukan berbahasa Arab yang berkemungkinan terdapat padanya kata-kata kufur atau unsur syirik.

Sesungguhnya mantera yang dibacakan merupakan himpunan doa dan harapan kepada Allah SWT untuk kesembuhan daripada penyakit dengan tujuan untuk perubatan. Walau bagaimanapun, mantera yang biasa diamalkan oleh orang jahiliah bercampur aduk dengan sihir, syirik dan azimat yang sama sekali tidak mempunyai makna yang boleh difahami oleh pengamalannya.<sup>55</sup>

Namun, sekiranya kalimah yang diamalkan tidak mengandungi unsur sihir, syirik atau kufur, sudah tentu kalimah tersebut boleh digunakan dalam amalan seharian. Hal ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Auf bin Malik r. a.:

Maksudnya: *“Bahawa kami pernah menjampi pada zaman jahiliah. Maka kami bertanya: Ya Rasulullah! Bagaimanakah pendapat kamu tentang perkara tersebut? Lalu Baginda pun menjawab: “Bawa ke mari mantera kamu itu, tetapi tidak mengapa selagi ia tidak mengandungi syirik.”*<sup>56</sup>

Sementara itu, menurut satu riwayat lain menceritakan seorang sahabat Nabi SAW telah membaca ayat al-Quran, iaitu *Surah al-Fatihah* kepada seorang pesakit selama tiga hari berturut-turut pada waktu pagi dan petang sehingga sembuh daripada penyakit tersebut. Apabila telah sembuh, pesakit tersebut memberikan suatu hadiah berupa seratus ekor kambing. Hal ini kemudiannya diberitahu kepada Rasulullah SAW, lalu baginda bersabda yang bermaksud, *“Bahawa mantera yang dilakukan itu adalah mengikut cara yang betul.”* Contoh tersebut membawa maksud doa yang dibacakan sah dan betul.<sup>57</sup>

Oleh itu, jelaslah bahawa mengubati penyakit menggunakan ayat suci al-Quran amat dituntut dalam Islam dan merupakan cara terbaik untuk menyelesaikan masalah sebagaimana dianjurkan oleh Rasulullah SAW. Sesungguhnya, al-Quran diturunkan sebagai penawar dan sembuhnya sesuatu penyakit yang dihadapi oleh seseorang bukannya disebabkan oleh keberkesanan sesuatu kalimah yang dibacakan, sama ada dengan membacakan ayat al-Quran ataupun sebagainya, akan tetapi hanya Allah SWT yang berkuasa mutlak untuk menyembuhkannya. Hal ini boleh dilihat melalui firman Allah SWT seperti yang berikut:

Maksudnya: *“Dan apabila aku sakit, maka Dialah yang menyembuhkan penyakitku.”*

*(Surah al-Syu‘ara’ 26:80)*

Kalimah doa dan ayat suci al-Quran juga dibacakan oleh Rasulullah SAW sebagai jampi dalam perawatan. Baginda memohon pertolongan Allah SWT supaya disembuhkan penyakit dengan penuh ikhlas dan merendah diri. Hal ini sesuai dengan firman Allah SWT yang berbunyi:

Maksudnya: *“Dan Tuhan kamu berfirman: ‘Berdoalah kamu kepada-Ku nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu’. Sesungguhnya orang-orang yang sombong takbur daripada beribadat dan berdoa kepada-Ku, akan masuk neraka jahanam dalam keadaan hina.”*

(*Surah al-Mukminun 23:60*)

Berdasarkan keterangan tersebut, terdapat hadis yang melarang jampi mantera dan ada hadis yang membenarkannya. Hal ini telah dijelaskan oleh al-Nawawi dalam kitab *Syarh Sahih Muslim* bahawa mantera yang dilarang ialah mantera yang dibaca menggunakan perkataan kufur, tidak difahami maksudnya, bukan dalam bahasa Arab dan tidak diketahui asal usulnya tetapi mantera yang menggunakan ayat Allah SWT dan zikir yang masyhur adalah harus dan disunatkan.<sup>58</sup>

*Kitab al-Kabair*<sup>59</sup> menjelaskan bahawa penggunaan kalimah yang tiada diketahui maknanya adalah syirik dan sesat. Walau bagaimanapun, jika mantera atau jampi itu menggunakan ayat al-Quran adalah diharuskan. Al-Khitabi juga berpendapat, apabila mantera itu terdiri daripada ayat al-Quran atau nama Allah SWT, hukumnya adalah diharuskan kerana nabi SAW pernah membacakan jampi mantera ke atas cucu baginda, iaitu Hassan dan Hussain dengan sabdanya yang diriwayatkan oleh Ibn. Abbas r.a.<sup>60</sup>:

Maksudnya: *“Aku berlindung dengan kalimah-kalimah Allah SWT yang sempurna daripada setiap syaitan dan segala makhluk yang berbisa, begitu juga daripada setiap mata yang membawa malapetaka.”*

Maka berdasarkan hadis tersebut, jelas menunjukkan bahawa mantera atau jampi yang dibolehkan menurut syariat Islam ialah mantera atau jampi yang berbentuk doa kepada Allah SWT semata-mata, bukannya meminta kepada yang lain daripada-Nya. Sesuatu bentuk doa mestilah dipohon terus kepada Allah SWT tanpa ada perantaraan, seperti hadis yang diriwayatkan oleh Abu Darda’ r.a.<sup>61</sup>:

Maksudnya: *“Engkau Tuhan Yang Maha Suci, semoga Engkau menurunkan rahmat daripada rahmat-Mu dan kesembuhan daripada kesembuhan-Mu atas penyakit ini.”*

Namun begitu, doa yang tiada keterangan daripada Rasulullah SAW, hukumnya dibenarkan juga selagi tidak mempunyai kata-kata yang berunsur syirik, dan perkataan yang digunakan mestilah dapat difahami maknanya. Sesuatu doa yang mengandungi perkataan syirik adalah dilarang sama sekali.<sup>62</sup>

Amalan mantera dalam perawatan yang diamalkan oleh bomoh atau seumpamanya dalam perawatan tradisional Melayu dibahagikan kepada dua bahagian yang utama, iaitu harus dan haram. Walau bagaimanapun, keharusan penggunaan mantera (*ruqyah*) oleh bomoh atau pengamal perawatan yang sejenis dengannya tidaklah bersifat mutlak, tetapi mesti dibatasi oleh syarat yang ditetapkan dalam Islam.

Kepercayaan terhadap kehebatan dan keistimewaan mantera yang diamalkan oleh bomoh dan pengamal perawatan tradisional memberikan kesan terhadap akidah umat Islam. Sudah tentu, orang yang sangat mempercayai akan kemampuan dan keberkesanan mantera yang diamalkan terdiri daripada bomoh, dukun atau pengamal perawatan. Dalam kalangan mereka ada yang berselindung di sebalik nama pusat perawatan Islam. Namun, apabila diteliti cara perubatan yang diamalkan mengandungi unsur pemujaan terhadap makhluk halus, sama ada keadaan ini wujud dalam mantera yang dibaca atau melalui tingkah laku semasa sesi rawatan.<sup>63</sup> Keadaan ini mencemarkan kesucian akidah Islam yang dianuti. Secara langsung atau tidak langsung mereka sebenarnya telah menyekutukan Allah SWT dengan sesuatu yang lain.

Sesungguhnya, kaedah yang digunakan oleh pengamal perawatan ini bukanlah satu jalan penyelesaian yang terbaik untuk merawat pesakit dan menyelesaikan masalah. Setiap masalah pasti ada jalan penyelesaiannya kerana Tuhan tidak menurunkan ujian, melainkan diturunkan bersama-samanya kaedah penyelesaian.<sup>64</sup> Dalam konteks ini, jalan penyelesaian yang terbaik adalah dengan mengikut cara yang dianjurkan oleh Islam. Dengan perkataan lain, semua orang perlu kembali kepada Islam dan mengamalkan Islam serta menghayatinya dengan sebaik-baik mungkin. Amalan yang dilakukan hendaklah bertepatan dengan fitrah hidup manusia dan selari dengan ajaran al-Quran dan sunah.

### **Pandangan Ijmak Ulama**

Seperti yang telah diriwayatkan oleh al-Imam al-Hafiz Ibnu Hajar al-Asqalani menegaskan bahawa para ulama bersepakat untuk membolehkan penggunaan mantera atau *ruqyah* dengan tiga syarat utama bagi membezakan antara *ruqyah syar'iyah* dengan *ruqyah* yang mengandungi bidaah dan syirik.<sup>65</sup> Syarat-syarat tersebut adalah seperti yang berikut:

1. Dengan menggunakan firman Allah (ayat al-Quran) atau nama-nama dan sifat-sifat-Nya.
2. Menggunakan bahasa Arab atau bahasa yang dapat difahami maknanya, selain bahasa Arab.
3. Berkeyakinan bahawa zat *ruqyah* tidak berpengaruh apa-apa dengan sendirinya kecuali atas izin Allah SWT.

Menurut pendapat Syeikh al-Islam Ibnu Taimiyah, mantera (*ruqyah*) dibolehkan sekiranya ada orang yang diganggu oleh makhluk halus seperti jin. Walau bagaimanapun, *ruqyah* yang digunakan bagi memohon perlindungan daripada Allah SWT hendaklah berasaskan dua faktor berikut<sup>66</sup>:

1. Hendaklah *ruqyah* dan permohonan perlindungan diri difahami maknanya atau merupakan kalimat yang dibolehkan dalam Islam seperti doa dan zikir kepada Allah SWT, maka *ruqyah* tersebut boleh dilakukan. Jika demikian keadaannya, maka seseorang itu boleh membuat rawatan ke atas orang yang memerlukan bantuan akibat gangguan makhluk halus seperti jin dan sebagainya serta memohon perlindungan diri daripada Allah SWT.

Dalam sebuah hadis sahih, Nabi Muhammad SAW membenarkan amalan *ruqyah* selagi *ruqyah* tersebut tidak mengandungi amalan syirik. Sabda Baginda SAW<sup>67</sup>:

Terjemahannya: “*Sesungguhnya Allah yang menurunkan penyakit dan ubatnya, dan menjadikan bagi setiap penyakit itu ada ubat, maka berubatlah tetapi jangan sesekali berubat dengan sesuatu yang diharamkan.*”

2. Jika semasa membuat rawatan terdapat kalimat yang diharamkan seperti kalimat yang mengandungi amalan syirik atau tidak diketahui maknanya dan berkemungkinan mengandungi kekufuran, maka kita tidak boleh membuat rawatan dengannya, berkeinginan keras dan bersumpah untuk menggunakan kalimat tersebut, meskipun benar-benar dapat mengubati gangguan makhluk halus yang dialami oleh seseorang, kerana perkara yang diharamkan oleh Allah SWT dan Rasul-Nya lebih besar mudaratnya berbanding dengan manfaatnya.

Syeikh al-Islam Ibnu Taimiyah juga berkata sebagaimana yang disebutkan dalam *Majmu' Fatawa* bahawa:

“Oleh itu, para ulama kaum muslimin melarang membuat rawatan dengan sesuatu yang tidak diketahui maknanya kerana ia dapat menjadi punca terjatuhnya seseorang ke dalam amalan syirik walaupun peruqyah (orang yang membuat rawatan) tersebut tidak menyedarinya.”<sup>68</sup>

An-Nawawi dalam *Sahih Muslim* berkata:

“Adalah dianjurkan untuk meninggalkan *ruqyah* jika *ruqyah* yang digunakan berasal daripada ucapan orang kafir, membuat rawatan dengan kalimat asing, membuat rawatan dengan menggunakan selain bahasa Arab dan yang tidak diketahui maknanya. Semua ini tercela, kerana ada kemungkinan maknanya kufur atau makruh. Adapun membuat rawatan dengan ayat al-Quran dan zikir yang difahami, adalah dibenarkan dan tidak dilarang, tetapi merupakan amalan yang disunahkan. Para ulama telah menukilkan ijmak tentang kebolehan membuat rawatan dengan ayat al-Quran dan zikir kepada Allah SWT.”<sup>69</sup>

Berdasarkan kesepakatan ulama, mantera atau *ruqyah* sebenarnya dibolehkan dan merupakan sunah Nabi SAW tetapi *ruqyah* tidak disyariatkan sekiranya mengandungi sesuatu yang bertentangan dan menyalahi syariat Islam. Oleh itu, orang yang membuat rawatan (peruqyah) hendaklah berhati-hati dan tidak menggunakan mantera atau *ruqyah* yang tidak disyariatkan. Begitu juga dengan orang yang mendapatkan rawatan dengan cara *ruqyah*, hendaklah berhati-hati menerima *ruqyah* yang tidak disyariatkan seperti *ruqyah* bomoh yang melibatkan ilmu sihir yang menyesatkan.

Oleh itu, dirumuskan beberapa syarat atau garis panduan kepada perawat (peruqyah) atau kepada pesakit yang ingin mendapatkan rawatan secara *ruqyah*, maka hendaklah memberikan perhatian terhadap perkara berikut:

1. *Ruqyah* tidak mengandungi unsur syirik.
2. *Ruqyah* tidak mengandungi unsur sihir.
3. *Ruqyah* bukan berasal daripada dukun, paranormal, tukang tilik dan orang yang tergolong dengan mereka, walaupun secara zahir mereka memakai serban, jubah, dan sebagainya. Penampilan tidak menjamin seseorang bebas daripada perdukunan, sihir dan kesyirikan.

4. *Ruqyah* tidak menggunakan ungkapan yang tidak bermakna atau tidak difahami maknanya seperti abjad atau tulisan.
5. *Ruqyah* tidak dengan cara yang diharamkan seperti dalam keadaan sedang berjunub, di kubur, kamar mandi, bilik yang gelap, dan sebagainya.
6. *Ruqyah* tidak menggunakan ungkapan yang diharamkan, seperti celaan, cacian, laknat, dan lain-lainnya.

Ketentuan dalam al-Quran dan hadis Rasulullah SAW menyatakan bahawa Allah tidak menurunkan suatu penyakit kecuali Dia juga yang menurunkan ubat penawarnya. Rasulullah SAW bersabda<sup>70</sup>, “Setiap penyakit ada ubat penawarnya dan apabila suatu ubat itu sesuai dengan jenis penyakitnya, maka penyakit itu akan sembuh dengan izin Allah SWT.” Maka hendaklah diyakini bahawa tidak ada yang mampu menyembuhkan sesuatu penyakit, melainkan hanya Allah SWT. Antara cara yang paling tepat, efektif dan mujarab untuk menghilangkan sesuatu penyakit dan menangkal marabahaya adalah dengan menggunakan al-Quran dan mengamalkan sunah sebagai ubat. Al-Quran menerangkan keadaan itu dengan lebih jelas lagi, seperti firman Allah SWT:

Maksudnya: “Dan kalaulah al-Qur’an itu Kami jadikan (bacaan) dalam bahasa asing, tentulah mereka akan berkata: Mengapa tidak dijelaskan ayat-ayatnya (dalam bahasa yang kami fahami)? Patutkah kitab itu berbahasa asing sedang Rasul yang membawanya berbangsa Arab?” Katakanlah (wahai Muhammad): “al-Qur’an itu, menjadi (cahaya) petunjuk serta penawar bagi orang-orang yang beriman; dan sebaliknya orang-orang yang tidak beriman, (al-Qur’an itu) menjadi sebagai satu penyakit yang menyumbat telinga mereka (bukan penawar); dan ia juga merupakan gelap-gelita yang menimpa (pandangan) mereka (bukan cahaya yang menerangi). Mereka itu - (dengan perbuatan melarikan diri daripada ajaran al-Qur’an, tidak ubahnya seperti) orang-orang yang diseru dari tempat yang jauh (Masakan mereka dapat mendengar dengan betul atau melihat dengan nyata).”

(*Surah Fussilat 41:44*)

Ayat suci tersebut menjelaskan keindahan dan keistimewaan al-Quran al-Karim. Tatkala Allah SWT menyebut tentang al-Quran telah tergambar akan kefasihan dan keindahan lafaz dan maknanya. Namun demikian, orang musyrik tetap tidak mengimaninya. Allah mengingatkan bahawa kekufuran mereka adalah disebabkan

oleh kesombongan dan bangkangan mereka terhadap isi kandungan al-Quran, walaupun mereka tahu bahawa isi kandungan al-Quran itu benar. Ertinya, andai kata seluruh isi al-Quran itu jika diturunkan, selain bahasa Arab, nescaya mereka dengan bangkangan dan sombongnya akan berkata:

Mengapa tidak diturunkan al-Quran itu dalam bahasa Arab, sudah tentu mereka juga akan berkata bagaimana al-Quran itu diturunkan dengan bahasa Ajam sedang yang menerimanya ialah orang Arab yang tidak dapat memahaminya.<sup>71</sup>

Dalam ayat lain Allah SWT berfirman:

Maksudnya: “Dan Kami turunkan dengan beransur-ansur dari al-Qur’an ayat-ayat suci yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman kepadanya; dan (sebaliknya) al-Qur’an tidak menambahkan orang-orang yang zalim (disebabkan keingkaran mereka) melainkan kerugian jua.”

*(Surah al-Isra’ 17:82)*

Melalui ayat tersebut, Allah SWT berfirman seraya memberitahu tentang kitab-Nya yang diturunkan kepada Rasul-Nya, Muhammad SAW, iaitu al-Quran yang tidak datang kepadanya kebatilan, baik dari hadapan mahupun dari belakang yang diturunkan daripada Tuhan Yang Maha Bijaksana lagi Maha Terpuji. Al-Quran merupakan ubat penyembuh dan rahmat bagi orang-orang yang beriman. Dengan membaca al-Quran sudah tentu dapat menghilangkan pelbagai jenis penyakit di dalam hati, misalnya keraguan, kemunafikan, kemusyrikan dan penyimpangan. Maka al-Quran akan menyembuhkan penyakit tersebut, sekali gus sebagai rahmat yang membawa kepada keimanan, hikmah dan melahirkan keinginan untuk mencari kebaikan. Hal ini sudah tentu tidak akan berlaku kecuali bagi orang yang beriman, membenarkan dan mengikutinya, sedangkan bagi orang kafir dan zalim, mendengar al-Quran tidak menambah kepada mereka, melainkan semakin jauh, semakin kafir dan rosak yang berpunca daripada kekafiran mereka.<sup>72</sup>

Junjungan besar Nabi Muhammad SAW dan para sahabat telah menunjukkan contoh teladan terbaik dalam segenap aspek kehidupan. Antara contoh yang ditonjolkan oleh Baginda ialah teladan yang berkaitan dengan perubatan. Baginda menggunakan al-Quran dan doa untuk merawat berbagai-bagai jenis penyakit, baik disebabkan oleh tukang sihir seperti guna-guna, dan lain-lainnya, atau disebabkan oleh gangguan jin seperti kerasukan dan penyakit aneh lainnya atau terkena gigitan

binatang berbisa, seperti kala jengking, ular dan sebagainya. Rasulullah SAW juga menggunakan ayat al-Quran dan doa untuk menjaga dan melindungi diri.

Banyak hadis berkaitan dengan *ruqyah* dipaparkan kepada umat Islam melalui sirah Baginda Nabi SAW. Nabi Muhammad SAW *meruqyah* diri Baginda sendiri seperti yang diriwayatkan dalam sebuah hadis oleh Saidatina Aisyah r.a.:

Maksudnya: Daripada Aisyah r. a. bahawa Rasulullah SAW tatkala hendak tidur Baginda membaca *Surah al-Ikhlās*, *al-Falaq* dan *al-Nas* lalu baginda tiupkan pada kedua telapak tangan, kemudian usapkan ke seluruh tubuh terjangkau oleh kedua-dua tangan Baginda. Aisyah r.a. juga mengatakan, “Rasulullah SAW memerintahkan padaku agar aku melakukan seperti itu ketika sakit.”<sup>73</sup>

Rasulullah SAW telah dirawat secara *ruqyah* oleh malaikat Jibril a.s. Diriwayatkan oleh Abu Sa’id Al-Khudhri r.a.:

Terjemahannya: Bahawa Jibril a.s. mendatangi Nabi SAW, lalu berkata, “Wahai Muhammad apakah engkau mengeluh rasa sakit?” Baginda menjawab, “Ya!” Kemudian Jibril (*meruqyah* Baginda), “Bismillahi arqika, min kulli syai’in yu’dzika, min syarri kulli nafsin au ‘ainin hasidin, Allahu yasyfika, bismillahi arqika” (Dengan nama Allah aku *meruqyah*mu, daripada segala hal yang menyakitimu, dan daripada kejahatan segala jiwa manusia atau mata pendengki, semoga Allah menyembuhkan kamu, dengan nama Allah saya *meruqyah*mu).<sup>74</sup>

Nabi Muhammad SAW menentukan *ruqyah* yang dibenarkan dan memberikan kebenaran kepada para sahabat yang berkemampuan untuk merawat. Sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Jabir r.a.:

Terjemahannya: “Rasulullah SAW telah melarang daripada jampi menjampi. Maka datanglah keluarga Amr Ibn Hazm menemui Rasulullah SAW lalu berkata: “Wahai Rasulullah SAW di sisi kami mempunyai jampi yang boleh menjampi sengatan kala jengking, sedangkan engkau melarang kami daripada jampi menjampi.” Lalu mereka membacakan jampi tersebut untuk diperdengarkan kepada Nabi SAW (bagi mendapat kepastian). Maka sabda Nabi SAW; “Aku lihat ia tidak mengapa. Sesiapa antara kalian yang mampu untuk membantu saudaranya, maka hendaklah dia melakukannya.”<sup>75</sup>

Keadaan tersebut menunjukkan Rasulullah SAW tidak merawat, sebaliknya mengajar pesakit tersebut agar dapat merawat dirinya sendiri dengan melaksanakan



kaedah tertentu dan bacaan *ruqyah*. Hal ini diperjelas menerusi sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Uthman bin Abu al-‘Ash as-Saqafi r.a.:

Maksudnya: Uthman bin Abu ‘Ash r.a. telah datang menemui Rasulullah SAW mengadukan rasa sakit pada tubuhnya yang dia rasakan semenjak masuk Islam, kemudian Rasulullah SAW berkata, “Letakkan tanganmu pada tempat yang terasa sakit, kemudian bacalah; “Bismillah” (dengan menyebut nama Allah) tiga kali, dan bacalah; “A’uzu billahi wa qudrotihi min syarri ma ajidu wa uhadzir” (aku berlindung dengan Allah dan dengan qudrat-Nya daripada kejahatan yang aku dapati dan yang aku hindari) tujuh kali.”<sup>76</sup>

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, perawatan tradisional Melayu di Kedah kebanyakannya mempunyai perkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan permintaan atau permohonan untuk mendapatkan bantuan dan pertolongan daripada makhluk ghaib seperti khadam, jin, dan sebagainya. Hal ini berbeza sekali dengan amalan mantera yang dibenarkan oleh syariat Islam yang dikenali sebagai *ruqyah syar’iyyah* kerana dibatasi dengan garis panduan tertentu seperti menyebut nama Allah atau salah satu daripada asma’-Nya yang mulia. Selain itu, *ruqyah* juga hendaklah berupa ayat suci al-Quran dan doa seperti yang diamalkan oleh para nabi a.s. Amalan mantera juga hendaklah menggunakan bahasa yang boleh difahami maksudnya dan bukan berupa sebaliknya, iaitu tidak boleh difahami maksudnya. Bahkan bagi menyempurnakan sesuatu amalan mantera, pengamalannya hendaklah mempunyai keyakinan diri yang tinggi terhadap kekuasaan Allah SWT dan tidak mengharapkan bantuan daripada makhluk Allah, kerana menyekutukan Allah dalam apa-apa juga permohonan adalah syirik, sedangkan syirik merupakan dosa besar di sisi Allah SWT.

## NOTA

1. Mahyuddin Ismail, 2011. *Ahli Sihir ke Tali Gantung*. Selangor: PTS Millennia Sdn. Bhd., hlm. 13.
2. Melalui pemerhatian ke atas bomoh VII pada 14 Mac 2009, 24 April 2010, 10 Julai 2010, 24 Mac 2011 dan 2 Julai 2011.
3. Melalui pemerhatian ke atas bomoh XII pada 16 September 2009 dan pemerhatian ke atas bomoh XIII pada 12 Jun 2009.
4. Wahid Abdul Salam Bali, t.th. *al-Sārīmu al-Battār fī Attasoddi li al-syaharotil al-Asyrār*. Kaherah: Dār Ibnu al-Hasyim, hlm. 43.

5. Melalui pemerhatian ke atas bomoh XIV pada 17 Februari 2010 dan 16 April 2010.
6. Berdasarkan pemerhatian ke atas amalan perawatan yang dilakukan oleh bomoh VII, bomoh I dan bomoh XIV.
7. Mengikut *Kamus Dewan Edisi Keempat*, gumaman bermaksud kuluman (kata-kata dalam mulut), hlm. 488.
8. Yusuf al-Qardhāwī, 1994. *Mawqif al-Islam min al-Ilhām wa al-Kasyfi wa al-Ru'yi wa min at-Tamāim wa al-Kahānatu wa al-Ruqā*. Kaherah: Maktabah Wahbah, hlm. 233.
9. Khadam ialah pembantu manusia dalam kalangan jin. Nabil bin Muhammad Mahmud, 1421H. *Fatāwā al-'ulama' Fi 'Iāji al-Sihr wa al-Massi wa al-Ain wa al-Janni*. Riyadh: Dār al-Qāsim li-an Nasr, hlm. 112.
10. [http://www.jkm.gov.my/images/stories/keratan\\_akhbar-3jpg](http://www.jkm.gov.my/images/stories/keratan_akhbar-3jpg) (Diakses pada 6 Ogos 2012).
11. Ibrahim Adham, 2012. *Membongkar Misteri Sihir serta Kejadian Luar Biasa Jin dan Syaitan*, Selangor: Jasmin Publications, hlm. 163.
12. Amran Kasimin, 1991. *Darussyifa*. Selangor: Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia dan Koperasi Darussyifa' Berhad, hlm. 139.
13. Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan ke atas beberapa orang bomoh antaranya ialah bomoh I, bomoh II, bomoh III, bomoh IV, bomoh V, bomoh VI dan lain-lain lagi.
14. Melalui pemerhatian ke atas bomoh VII pada 14 Mac 2009, 24 April 2010, 10 Julai 2010, 24 Mac 2011 dan 2 Julai 2011.
15. Melalui pemerhatian ke atas bomoh XIII, Kg Seberang Paya pada 12 Jun 2009, 28 November 2009 dan 25 Mei 2011.
16. Berdasarkan pemerhatian ke atas amalan perawatan yang diamalkan oleh 18 orang bomoh di sekitar Kedah.
17. Mengikut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005), “menurun” bermaksud kemasukan roh halus ke dalam tubuh (pawang, bomoh, dll) berada dalam keadaan tidak sedar dan seterusnya dapat menghubungi makhluk halus, hlm. 1745.
18. Mengikut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005), “menyelap” bermaksud tidak sedarkan diri, hlm. 1090.
19. Melalui pemerhatian ke atas bomoh XI pada 24 September 2011 dan 11 Mac 2012.
20. Melalui pemerhatian ke atas bomoh VII pada 10 Julai 2010, 26 Mac 2011 dan 2 Julai 2011.
21. Melalui pemerhatian ke atas bomoh XI pada 24 September 2011 dan 11 Mac 2012.
22. Melalui pemerhatian ke atas bomoh XIV pada 5 Ogos 2010 dan 13 Mei 2011.
23. Abdul Rahman Hasan al-Maidāni, 1994. *Aqīdatu al-Islām Wa Ussusuhā*. Damsyik: Dār Qalām, hlm. 618.
24. Abu Bakar Jābir al-Jazāiri, 1966. *As-Syirk wa-Mazāhiruhu Li'amīlī*. Beirut: al-Maktab al-Islami, hlm. 82.
25. Melalui pemerhatian ke atas bomoh V pada 18 April 2011, 8 November 2011 dan 5 Mei 2012.
26. Melalui pemerhatian ke atas bomoh V pada 18 November 2011 dan 5 Mei 2012.
27. Roland Werner, 1993. *Transcultural Healing: The Whole Human*. Kuala Lumpur: University Malaya Press, hlm. 279.
28. Amran Kasimin, 1995. *Santau dan Kaedah Rawatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan

- Pustaka, hlm. 6.
29. Roland Werner, 1993. *Transcultural Healing: The Whole Human*. Kuala Lumpur: University Malaya Press, hlm. 279.
  30. Siti Khairiah Parlan, 1990. "Sihir dan Pengaruhnya dalam Masyarakat Tradisional Melayu: Suatu Kajian dalam Masyarakat Melayu dan Perbandingan dengan Masyarakat Lain di Daerah Kelang". Latihan Ilmiah. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 124.
  31. Melalui pemerhatian ke atas bomoh XI pada 24 September 2011 dan 11 Mac 2012.
  32. Melalui pemerhatian ke atas bomoh VII pada 26 Mac 2011 dan 2 Julai 2012.
  33. Melalui pemerhatian ke atas bomoh VI pada 15 Jun 2011 dan 10 Jun 2012.
  34. <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebanfsaan/amalan-ilmuhitamsihir-0>. (Diakses 10 Januari 2013).
  35. Awang Abdul Aziz Juned, 2008. *Berubat dengan Perubatan Bumi dan Langit*. Selangor: al-Hidayah House of Publishers Sdn. Bhd., hlm. 8.
  36. Melalui pemerhatian ke atas bomoh XIV pada 13 Mei 2011 dan 6 Disember 2012.
  37. Melalui pemerhatian ke atas bomoh XIII pada 28 November 2009 dan 25 Mei 2011.
  38. Melalui pemerhatian ke atas bomoh II pada 13 September 2011 dan 21 April 2012.
  39. Amran Kasimin, 1991. *Darussyifa*. Selangor: Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia dan Koperasi Darussyifa Berhad, hlm. 126.
  40. Melalui pemerhatian ke atas bomoh X pada 10 Oktober 2011 dan 9 Mei 2012.
  41. Melalui pemerhatian ke atas bomoh VII pada 26 Mac 2011 dan 2 Julai 2012.
  42. Melalui pemerhatian ke atas bomoh XVI pada 10 September 2010, 16 Jun 2010 dan 10 Julai 2011.
  43. Haron Daud, 1996. *Mantera sebagai Pengucapan Simbolik: Analisis Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, hlm. 55.
  44. Mantera ini diperoleh daripada bomoh I pada 15 Ogos 2009. Tiga baris daripadanya sengaja ditiadakan untuk mengelakkan salah guna.
  45. Winstedt, R.O., "Rice Ceremony in Upper Perak" dlm. *Journal of the Federated Malay States Museum* IX, pt. 11, hlm. 116, 1920.
  46. Tengku Mohd. Tahir, 1986. *Delima Batu*. Johor: Text Book Malaysian Sdn. Bhd., hlm. 150.
  47. William Shaw, 1975. *Aspect of Malay Magic*. Kuala Lumpur: Muzium Negara, hlm. 97.
  48. Melalui pemerhatian ke atas bomoh XII pada 15 Oktober 2010 dan 13 Jun 2011.
  49. Melalui pemerhatian ke atas bidan XXIII pada 7 Disember 2010, 17 Februari 2011 dan 10 Julai 2011.
  50. [http://www.darussyifa.org/AsasPengubatanDS\\_1ss1%285php](http://www.darussyifa.org/AsasPengubatanDS_1ss1%285php) (Diakses pada 12 Disember 2012).
  51. Shams al-Din Muhammad bin Abu Bakar bin Ayyub Ibn al-Qaiyyim al-Jauziyyah Aun al-Mabud, 1979. *Syarh Sunan Abi Daud*. Jilid 10. Beirut: al-Nashir al-Maktabah al-Salafiah, hlm. 367.
  52. Abu Dawud Sulaiman, 1393H/1973M, hlm. 220-21. Lihat juga, al-Imam Mahyuddin Abi al-Saadat al-Mubarak bin Muhammad (Ibn Athir al-Jazari), 1391H/1871M. *Jami' al-Usul Fi Ahadis al-Rasul*. Jilid 7. Beirut: Maktabah al-Halwani wa Matbaah al-Falah wa Maktabah Dar

- al-Bayan, hlm. 574.
53. Abdullah al-Qari Hj Salleh, 2011. *Ensiklopedia Unggul Doa Hajat Jampi Mujarrab Segala Penyakit Tanpa Ubat*. Selangor: al-Hidayah House of Publishers Sdn. Bhd., hlm. 9.
  54. Sa'id bin Ali bin Wahfi al-Qahtāni, 2011. *Al-Ilāj bi al-Ruqā min al-Kitāb wa al-Sunnah*. Kaherah: Dār al- Jauzī, hlm. 52.
  55. Yusuf al-Qaradhāwī, 1969. *Al-Halāl wa al-Harām fi al-Islām*. Damsyik: Masyūrat al-Maktabah al-Islamiyy, hlm. 337.
  56. Abu Dawud Sulaiman, 1393H/1973M, hlm. 220-21.
  57. Abi al-Husain Muslim bin al-Hajjaj al-Qusyairi an-Naisābūri, 1993. “Bab Istihbāb Ruqyatul Marīdh no. hadith 5702” dlm. *Kitab al-Salām*. Beirut: Dav al-Fikr, hlm. 1067.
  58. Al-Nawawi (2.1924). *Sahih Muslim Bi Syarh al-Nawawi*. Jilid 14. Mesir: al-Matbaah al-Misriyyah wa Maktabatuna, hlm. 169.
  59. Al-Imam al-Hafiz Shams al-Din al-Zahabi, (t.th.) *Kitab al-Kabair*. Beirut: Dār al-Kutub al-Syabiyyah, hlm. 15-16.
  60. Abi Abdillah Muhammad bin Ismail al-Bukhāri, 1995. “Bab Ruqyatu al-Nabi, no. hadith 3371 dlm. *Sahih al-Bukhāri. Kitab al- Tibb*. Jilid 2. Beirut: Dār al-Fikr, hlm. 273.
  61. Abu Dawud Sulaiman, 1979. Jilid 4, hlm. 218.
  62. Nabil bin Muhammad Mahmud, 1421H. *Fatāwā al-Ulama' fi 'Ilāji al-Sihr Wa al-Massi Wa al-Ain Wa al-Jānni*. Riyadh: Dārul Qasam, hlm. 309.
  63. Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan ke atas 18 orang pengamal perawatan tradisional Melayu dan Islam di negeri Kedah.
  64. Hassan Mahmud al-Hafiz, 2005. *Penyakit antara Cubaan dan Nikmat*. Kuala Lumpur: al-Hidayah Publishers, hlm. 79.
  65. Al-Hafiz Ibnu Hajar al-Asqalani, t.th. *Fath al-Bāri*. Jilid 10. Kaherah: Dār al-Rayyan Li al-Turath, hlm. 240.
  66. Ibnu Taimiyah, t.th. *Majmu' Fatāwā*. Jilid 24. Mesir: Dār al-Haq, hlm. 277.
  67. Abu Dawūd, 1424, hlm. 695.
  68. Abu Dawūd, 1424. Jilid 19, hlm. 13.
  69. An-Nawawi, t.th. *Syarah Sahih Muslim*. Jilid 14, hlm. 141-42.
  70. Abi al-Husain Muslim bin al-Hajjaj al-Qusyairi an-Naisābūri, 2000. “Likulli Dāin Dawā' wa Istihbā al-Tadāwi, no. hadith 5741” dlm. *Kitab al-Salām*. Beirut: Dār al-Fikr, hlm. 1069.
  71. As-Saiyyid Mu'īnuddin Muhammad bin Abdul Rahmān al-Husaini al-Aiji as-Syafiē, 2007. *Jāmiul Bayān Fi Tafsīri Qur'ān*. Kuwait: Ghārras, hlm. 854.
  72. As-Saiyyid Mu'īnuddin Muhammad bin Abdul Rahmān al-Husaini al-Aiji as-Syafiē, 2007. *Jāmiul Bayān Fi Tafsīri Qur'ān*. Kuwait: Ghārras, hlm. 538.
  73. Abi Abdillah Muhammad bin Ismail bin al-Mughirah al-Bukhari, 1995. *Sahih al-Bukhāri*. “Bab an-Nafs fi al-Ruqyah” no. hadith 5748 dlm. *Kitab at-Tibb*. Jilid 4. Beirut: Dār al-Fikr, hlm. 21.
  74. Abi al-Husain Muslim bin al-Hajjaj al-Qusyairi an-Naisābūri, 2000. “Bab al-Tibb wa al-Mardhā wa al-Ruqā” no. hadith 5700 dlm. *Kitab al-Salām*. Beirut: Dar al-Fikr, hlm. 1066.
  75. Abi al-Husain Muslim bin al-Hajjaj al-Qusyairi an-Naisābūri, 2000. “Istihbāb al-Ruqyah min al-‘Ain wa al-Namlah wa al-Hummah wa al-Nazhrah” no. hadith 5731 dlm. *Kitab al-Salām*.

Beirut: Dar al-Fikr, hlm. 1068.

76. Abi al-Husain Muslim bin al-Hajjaj al-Qusyairi an-Naisābūri, 2000. “Bab Istihbāb Wadhā’a Yadahu ‘alā Mawdhī al-Alami ma’a al-Dū’a’ no. hadith 5737” dlm. *Kitab al-Salām*. Beirut: Dar al-Fikr, hlm. 1069.

## RUJUKAN

Abu Dawud Sulaiman, 1393H/1973M.

Lihat juga, al-Imam Mahyuddin Abi al-Saadat al-Mubarak bin Muhammad (Ibn Athir al-Jazari), 1391H/1971M. *Jami’ al-Usul Fi Ahadis al-Rasul*. Jilid 7. Beirut: Maktabah al-Halwani wa Matbaah al-Falah wa Maktabah Dār al-Bayan, hlm. 574.

Abdul Rahman Hasan al-Maidāni, 1994. *Aqīdatu al-Islām Wa Ussusuhā*. Damsyik: Dār Qalām

Abdullah al-Qari Hj. Salleh, 2011. *Ensiklopedia Unggul Doa Hajat Jampi Mujarrab Segala Penyakit Tanpa Ubat*. Selangor: al-Hidayah House of Publishers Sdn. Bhd.

Abu Bakar Jābir al-Jazāiri, 1966. *As-Syirk wa-Mazāhiruhu Li’amīlī*. Beirut: al-Maktab al-Islami

Al-Ajji, As-Saiyyid Mu’īnuddin Muhammad bin Abdul Rahmān al-Husaini as-Syafiē, 2007. *Jāmiul Bayān Fi Tafsiiri Qur’ān*. Kuwait: Ghārras.

Al-Asqalani, Al-Hafiz Ibnu Hajar (t.th). *Fath al-Bāri*. Jilid 10. Kaherah: Dār al-Rayyan Li al-Turath.

Al-Bukhāri, Abi Abdillah Muhammad bin Ismail, 1995. “Bab Ruqyatu al-Nabi, no. hadith 3371” dlm. Sahih al-Bukhāri, *Kitab al-Tibb*. Jilid 2. Beirut: Dār al-Fikr.

Al-Bukhāri, Abi Abdillah Muhammad bin Ismail, 1995. “Bab an-Nafs fi al-Ruqyah, no. hadith 5748” dlm. Sahih al-Bukhāri, *Kitab al-Tibb*. Jilid 4. Beirut: Dār al-Fikr.

Al-Jauziyyah, Shams al-Din Muhammad bin Abu Bakar bin Ayyub Ibn al-Qaiyyim Aun al-Mabud, 1979. *Syarh Sunan Abi Daud*. Jilid 10. Beirut: al-Nashir al-Maktabah al-Salafiah.

Al-Jazari, Ibn Athir, Mahyuddin Abi al-Saadat al-Mubarak bin Muhammad, 1391H/1971M. *Jami’ al-Usul Fi Ahadis al-Rasul*. Jilid 7. Beirut: Maktabah al-Halwani wa Matbaah al-Falah wa Maktabah Dār al-Bayan.

Al-Nawawi, 1924. *Sahih Muslim Bi Syarh al-Nawawi*. Jilid 14. Mesir: al-Marbaah al-Misriyyah Wa Maktabatuha.

Al-Naisābūri, Abi al-Husain Muslim bin al-Hajjaj al-Qusyairi, 1993. “Bab Istihbāb Ruqyatul Marīdh”, no. hadith 5702 dlm. *Kitab al-Salām*. Beirut: Dār al-Fikr.

Al-Naisābūri, Abi al-Husain Muslim bin al-Hajjaj al-Qusyairi, 2000. “Bab Likulli Dāin Dawā’ wa Istihbā al-Tadāwi”, no. hadith 5741. dlm. *Kitab al-Salām*, Beirut: Dār al-Fikr.

Al-Naisābūri, Abi al-Husain Muslim bin al-Hajjaj al-Qusyairi, 2000. “Bab al-Tibb wa al-Mardhā wa al-Ruqā, no. hadith 5700” dlm Mawsu’ah al-Hadis, *Kitab al-Salām*. Beirut:

- Dār al-Fikr.
- Al-Naisābūri, Abi al-Husain Muslim bin al-Hajjaj al-Qusyairi, 2000. “Bab Istihbāb al-Ruqyah min al-‘Ain wa al-Namlah wa al-Hummah wa al-Nazhrah, no.hadith 5731” dlm. *Kitab al-Salām*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Al-Naisābūri, Abi al-Husain Muslim bin al-Hajjaj al-Qusyairi, 2000. “Bab Istihbāb Wadhā’a Yadahu ‘alā Mawdhi’ al-Alami ma’a al-Dū’a’), no.hadith 5737” dlm. *Kitab al-Salām*; Sahih Muslim dalam Mawsu’ah al-hadis.
- Al-Qahtāni, Sa’id bin Ali bin Wahfi, 2011. *Al-Ilāj bi al-Ruqā min al-Kitāb wa al-Sunnah*. Kaherah: Dār al-Jauzī.
- Al-Zahabi, al-Hafiz Shams al-Din, t.th. *Kitab al-Kabair*. Beirut: Dār al-Kutub al-Syabiyyah.
- Amran Kasimin, 1991. *Darussyifa’*. Selangor: Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia & Koperasi Darussyifa’ Berhad.
- Amran Kasimin, 1995. *Santau dan Kaedah Rawatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Abdul Aziz Juned, 2008. *Berubat dengan Perubatan Bumi dan Langit*. Selangor: al-Hidayah House of Publishers Sdn. Bhd.
- Hassan Mahmud al-Hafiz, 2005. *Penyakit antara Cubaan dan Nikmat*. Kuala Lumpur: al-Hidayah Publishers.
- Haron Daud, 1996. *Mantera sebagai Pengucapan Simbolik: Analisis Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ibrahim Adham, 2012. *Membongkar Misteri Sihir serta Kejadian Luar Biasa Jin dan Syaitan*. Selangor: Jasmin Publications.
- Mahyuddin Ismail, 2011. *Ahli Sihir ke Tali Gantung*. Selangor: PTS Millennia Sdn. Bhd.
- Nabil bin Muhammad Mahmud, 1421H. *Fatāwā al-‘ulama’ Fi ‘Iāji al-Sihr wa al-Massi wa al-Ain wa al-Janni*. Riyadh: Dār al-Qāsim li-an Nasr.
- Roland Werner, 1993. *Transcultural Healing: The Whole Human*. Kuala Lumpur: University Malaya Press.
- Siti Khairiah Parlan, 1990. “Sihir dan Pengaruhnya dalam Masyarakat Tradisional Melayu: Suatu Kajian dalam Masyarakat Melayu dan Perbandingan dengan Masyarakat Lain di Daerah Kelang”. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 124.
- Shams al-Din Muhammad bin Abu Bakar bin Ayyub Ibn al-Qaiyyim al-Jauziyyah Aun al-Mabud, 1979. *Syarh Sunan Abi Daud*. Jilid 10. Beirut: al-Nashir al-Maktabah al-Salafiah, hlm. 367.
- Tengku Mohd. Tahir, 1986. *Delima Batu*. Johor: Text Book Malaysian Sdn. Bhd.
- Wahid Abdul Salam Bali, t.th. *al-Sārimu al-Battār fi Attasoddi li al-syahaarotil al-Asyrār*. Kaherah: Dār Ibnu al-Hasyim.
- William Shaw, 1975. *Aspect of Malay Magic*. Kuala Lumpur: Muzium Negara.
- Winstedt, R. O., “Rice Ceremony in Upper Perak” dlm. *Journal of the Federated Malay States Museum*. Jilid IX, 1920.
- Yusuf al-Qaradhāwī, 1969. *al-Halāl wa al-Harām fi al-Islām*. Damsyik: Masyūrat al-Maktabah al-Islamiyy, hlm. 337.

Yusuf al-Qardhāwī, 1994. *Mawqif al-Islam min al-Ilhām wa al-Kasyfi wa al-Ru'yi wa min at-Tamāim wa al-Kahānatu wa al-Ruqā*. Kaherah: Maktabah Wahbah.

Yusuf al-Qardhāwī, 1969. *Al-Halāl wa al-Harām fi al-Islām*. Damsyik: Masyūrat al-Maktabah al-Islamiyy.

<http://www.jkm.gov.my/images/stories/keratanAkhbar-3jpg> (Diakses pada 6 Ogos 2012).

<http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebanfsaan/amalan-ilmuhitamsihir-0> (Diakses pada 10 Januari 2013).

[http://www.darussyifa.org/AsasPengubatanDS\\_iss1%285php](http://www.darussyifa.org/AsasPengubatanDS_iss1%285php) (Diakses pada 12 Disember 2012).

[http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/bersahabat\\_dengan\\_jin](http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/bersahabat_dengan_jin) (Diakses pada 8 Jun 2012).